

Resolusi Konferens
9th National Conference of Medical Assistants
(NCMA 2025)

9th National Conference of Medical Assistants 2025 (NCMA) yang diadakan pada 3 Julai hingga 7 Julai 2025 di Oriental Crystal Hotel, Kajang dengan ini mengambil ketetapan berikut;

- Memperkasakan Transformasi Digital dalam Amalan Profesional Penjagaan Kesihatan**
Konferens menyeru agar sistem perkhidmatan kesihatan mempercepatkan integrasi teknologi digital seperti EMR, AI, dan telekesihatan dalam tugas harian professional penjagaan kesihatan, sejajar dengan pembangunan sistem kesihatan pintar negara.
- Memperkukuh Kompetensi Digital dan Literasi Teknologi**
Disarankan agar program latihan pra-perkhidmatan dan pembangunan profesional berterusan (CPD) mengandungi modul literasi digital, keselamatan siber, dan kecekapan penggunaan teknologi kesihatan terkini bagi semua Pembantu Perubatan.
- Mengiktiraf dan Memperkasa Autonomi Profesional Pembantu Perubatan**
Resolusi ini menggesa agar penambahbaikan dasar dan perundangan dilakukan untuk memberi ruang kepada Pembantu Perubatan melaksanakan tugas secara lebih berautonomi dalam skop amalan yang diperluas, selaras dengan inisiatif Assistant Medical Officers Technical Expert (AMOTeX).
- Menyediakan Akses kepada Pendidikan Fleksibel dan Berasaskan Teknologi**
Konferens menyarankan institusi latihan dan agensi berkaitan untuk memperluaskan tawaran program akademik dan pembangunan profesional secara fleksibel — termasuk pembelajaran dalam talian, hibrid, dan modular — bagi menyokong peningkatan kerjaya dan mobiliti akademik Pembantu Perubatan.
- Menggalakkan Penyelidikan dan Inovasi dalam Amalan Digital Kesihatan**
Konferens menyokong penubuhan jaringan kerjasama antara institusi latihan, akademik dan fasiliti kesihatan untuk meneroka penyelidikan dan inovasi baharu berkaitan teknologi digital dalam amalan Pembantu Perubatan.



Sekretariat
9th NCMA 2025
7 Julai 2025